

**SEJAUHMANAKAH PENGLIBATAN PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH HARIAN DI MELAKA
DALAM AKTIVITI KO-KURIKULUM DI
SEKOLAH MEREKA**

Oleh

ZURINA MIAD

ROHANA DOLLAH

ZUHAINA MUSTAPA

ZAKIDAH ABDULLAH

ZURAIDAH ABDULLAH

**Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada
Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang
Institut Teknologi MARA, Melaka
Untuk Memenuhi Sebahagian Dari Syarat Untuk
Memperolehi Diploma Pentadbiran Awam**

Oktober 1995

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian ke hadrat Allah swt kerana dengan limpah kurnianya dapat kami menyiapkan kertas kerja kami untuk memenuhi matapelajaran PAD 355 seterusnya bagi memenuhi keperluan untuk mendapatkan Diploma Pentadbiran Awam.

Kami ingin mengucapkan setinggi -tinggi ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Encik Abdul Hameed Mydin yang telah menyumbangkan idea dan tunjuk ajar dalam membantu kami menyiapkan kertas kerja kami.

Sekalung ucapan terima kasih juga kami tujukan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam memberi maklumat dan kerjasama kepada kami. Mereka ialah:

1. Tuan Hj. Kamaruddin Abdullah
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
2. Pegawai-pegawai di Pejabat Ko-Kurikulum Melaka
3. Tuan Hj. Abdul Rashid

Pengetua Sek. Men. Dato' Dol Said, Alor Gajah

4. Encik Abdul Aziz Baba

Guru Penyelaras Ko-Kurikulum

Sekolah Dato' Dol Said, Alor Gajah

5. Encik Abd. Wahid

Guru Penolong Kanan,

Sek. Men. Kem Terendak, Melaka

6. Guru-guru dan Pelajar-pelajar, Sek. Dato' Dol Said dan

Sek. Men. Kem Terendak, Melaka

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa kami yang telah banyak menyumbangkan bakti dan mendoakan kejayaan kami. Tanpa mereka siapalah kami, serta kepada semua yang terlibat dalam menyiapkan kertas kerja ini.

Sekian. Terima Kasih.

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang sambutan dan penglibatan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Harian di Melaka terhadap kegiatan Ko-Kurikulum. Hasil daripada kajian yang dijalankan didapati ada beberapa alasan yang menyebabkan pelajar-pelajar tidak menghadiri aktiviti ko-kurikulum. Antara alasan yang sentiasa digunakan adalah masalah dalaman seperti masalah pengangkutan, terdapat kelas tambahan dan sebagainya. Di sini dapatlah disimpulkan bahawa masih tidak timbul kesedaran di kalangan pelajar-pelajar tentang betapa pentingnya aktiviti ko-kurikulum untuk masa hadapan. Betapapun begitu, para guru merupakan alat pendokong utama bagi mewujudkan minat pelajar terhadap aktiviti ko-kurikulum. Berbagai pendapat dan cadangan diusulkan apatah lagi apabila wujudnya Program Rakan Muda untuk mempelbagaikan lagi aktiviti ko-kurikulum. Secara keseluruhannya aktiviti ko-kurikulum masih kurang mendapat sambutan pelajar dan ini adalah satu gejala yang harus diatasi dengan segera supaya ia tidak berlanjutan pada masa akan datang.

ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

Penghargaan

Abstrak

Isi Kandungan

BAB 1.0	: PENDAHULUAN	
1.1	: Pengenalan	1 - 3
1.2	: Fungsi dan matlamat ko-kurikulum	4 - 6
1.3	: Rasional Kajian	7 - 10
1.4	: Objektif	11
1.5	: Hipotesis	12
1.6	: Methodologi	13 - 14
1.7	: Skop Penyelidikan	15
1.8	: Sekatan	16
BAB 2.0	: PENGENALAN KOMPONEN	
	GERAK KERJA KO-KURIKULUM	17 - 18
2.1	: Klasifikasi ko-kurikulum	18 - 19
2.2	: Objektif	20 - 24
2.3	: Prosedur Penubuhan	25 - 26
BAB 3.0	: KONSEP PENGURUSAN	
	KO-KURIKULUM	27 - 28
3.1	: Persediaan yang perlu dijalankan oleh sekolah dalam melaksanakan gerak kerja ko-kurikulum	28 - 36